

D886

U B414 AAB  
MAHATHIR - KILANG  
(I)

PULAU PINANG, 24 MEI (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI BERKATA MALAYSIA TIDAK TERBINGGUNG OLEH KECAMAN-KECAMAN HEBAT ATAU PUBLISITI NEGATIF DALAM MEDIA ANTARABANGSA TETAPI AKAN TERUS MENERIMA DENGAN BAIK KEDATANGAN ORANG ASING SELAKU PELABUR DAN PELANCONG.

PERDANA MENTERI MENYIFATKAN KOMEN NEGATIF DALAM MEDIA BERKENAAN HANYA MERUPAKAN PEMBOHONGAN BESAR YANG WUJUD EKORAN DARIPADA TIMBULNYA RASA CEMBURU TERHADAP KEMAMPUAN NEGARA INI UNTUK HIDUP MAKMUR DAN PULIH SEMULA DENGAN KEKUATANNYA SENDIRI.

BERUCAP MERASMIKAN KILANG OPERASI BAXTER HEALTHCARE MALAYSIA BERNILAI \$35 JUTA DI SINI, BELIAU BERKATA MALAYSIA TELAH MENDAPAT PUBLISITI NEGATIF YANG AGAK BESAR DALAM MEDIA ANTARABANGSA, DARIPADA DAKWAAN YANG DEMOKRASI MENGHADAPI ANCAMAN DI MALAYSIA HINGGA KEPADA MEMBUAT ANGGAPAN YANG RAKYAT MALAYSIA ADALAH MANUSIA TIDAK BERTAMADUN.

+KITA TIDAK DAPAT MEMBELA DIRI KITA OLEH KERANA MEDIA ANTARABANGSA MELAKUKAN PENAPISAN YANG BERKESAN YANG MENGHALANG KITA DARIPADA MEMBERIKAN MAKLUMAT MENGIKUT TAFSIAN KITA,+ KATANYA.

DALAM KONTEKS INI, BELIAU BERHARAP SYARIKAT-SYARIKAT DAN PEKILANG ASING MALAYSIA AKAN MEMBANTU MENYEBARKAN MAKLUMAT YANG BENAR MENGENAI NEGARA INI DAN PELUANG-PELUANG YANG DITAWARKAN KEPADA PELABUR ASING. -- LAGI.

1530MST 24 05 88

D895

U B420 AAB  
MAHATHIR - KILANG 2 PULAU PINANG

MEREKA HENDAKLAH MENYEBARKAN HAKIKAT BAHAWA MALAYSIA ADALAH SELAMAT DAN STABIL DAN AMAT SESUAI MENJADI SEBUAH PUSAT KEUNTUNGAN BAGI SEMUA JENIS KEGIATAN PEMBUATAN, KATANYA.

SYARIKAT-SYARIKAT BESAR TELAH MELABUR BERJUTA-JUTA RINGGIT DAN MENGAMBIL BERIBU-RIBU PEKERJA DAN INI HARUSLAH MENJADI BUKTI YANG CUKUP KEPADA MEREKA YANG BERHASRAT MENJADIKAN MALAYSIA TEMPAT PELABURAN BARU, KATANYA.

PERDANA MENTERI BERKATA KERAJAAN, SEBALIKNYA, AKAN BERUSAHA SEDAYA UPAYA BAGI MENJAMIN IKLIM PELABURAN NEGARA INI MEMBOLEHKAN SYARIKAT-SYARIKAT MENERUSKAN KEGIATAN, BERKEMBANG MAJU DAN MENDAPAT UNTUNG.

BELIAU BERKATA MALAYSIA MENAWARKAN PERSEKITARAN YANG PALING BAIK BAGI OPERASI PERKILANGAN LUAR PANTAI.

DATUK SERI DR MAHATHIR JUGA BERHARAP MEREKA YANG BERADA DI NEGARA INI YANG MENARUH +IRI HATI POLITIK+ TIDAK AKAN MEMBURUKKAN IMEJ MALYSIA DI SEBERANG LAUT YANG BOLEH MENJEJAS KEMASUKAN PELABURAN DAN PELANCONG ASING.

-- LAGI.

1545MST 24 05 88

D896

U B421 AAB  
MAHATHIR - KILANG 3 PULAU PINANG

USAHA NEGATIF MEMBURUKKAN NEGARA INI MESTILAH DIHENTIKAN OLEH KERANA INI MENJEJAS PEMULIHAN DAN PERTUMBUHAN EKONOMI YANG BOLEH MENYEBABKAN PENGANGGURAN MENJADI SEMAKIN LEBIH BURUK, KATANYA.

+KITA HENDAKLAH MENGENEPIKAN KEPENTINGAN PERIBADI BAGI MENCAPAI PEMBANGUNAN EKONOMI DAN POLITIK,+ KATA BELIAU. -- BERNAMA.

1546MST 24 05 88